

27 DEC 1998

REKOD BARU MANUSIA HIDUP BERSAMA ULAR BERBISA DICIPTA HARI INI

LANGKAWI, 27 Dis (Bernama) -- Rekod baru manusia hidup bersama ular berbisa dicipta hari ini apabila percubaan berani juara ular Othman Ayeb masuk hari ke 21 hari ini.

Juara ular berumur 31 tahun itu mencipta rekod itu yang sebelum ini dipegang oleh Raja Ular Hussain Dastagir yang tinggal bersama ular berbisa selama 20 hari.

Othman pernah menjadi juara ular dalam beberapa pertandingan termasuk mencipta namanya sebagai juara ular berbisa pada pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang berlangsung di Perlis tahun lepas.

Anak kelahiran Perlis itu ketika dihubungi di Taman Lagenda di sini di mana percubaan berani mati itu dimulakan sejak 6 Dis lepas berkata 20 kejayaan itu amat bermakna kerana ia dilakukan dalam bulan Ramadan.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah singgah sebentar ke Taman Lagenda pada hari pertama Othman melangkah masuk untuk tinggal di dalam sangkar khas bersama 150 ekor ular berbisa.

Sambil bersyukur dengan kejayaan itu, beliau yakin akan dapat terus bertahan untuk meletakkan namanya dalam Malaysia Book Of Record menerusi "pengalaman hidup bersama ular" selama 27 hari yang akan berakhir Sabtu ini.

"Bulan puasa bukan satu halangan untuk mencipta kejayaan dan dengan semangat Malaysia Boleh dan sokongan pelancong yang datang saya yakin dapat terus bertahan", tambah beliau.

Othman berkata kira-kira 11,000 pelawat telah datang memberi semangat kepada beliau dan setengah daripada mereka yang terdiri daripada pelancong asing kagum dengan keberaniannya.

-- BERNAMA

NH WAT